



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 50**

**9hb November 2006**

**No. 23**

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 342.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS-NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Acme Resources Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 156-A, Jln. Kg. Java Baru, Pulau Pinang, tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1496. No. Lot—3890. Hasil Tahun Ini—Cukai (Tanah) RM5687.00, (Tali Air) RM31.5. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—Cukai (Tanah) RM5687.00, (Tali Air) RM31.5. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil—Bayaran Notis RM50.00. Bayaran-bayaran Terhutang—Denda Lewat (Tanah) RM1764.00, (Tali Air) RM11.00. Jumlah Kena Dibayar—RM13,262.00.

Bertarikh 26 September 2006  
[PTSPT/F/6A/13/2006]

HAJI MUZAMIN BIN MASTAK  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Tengah*  
*Bukit Mertajam*

**No. 343.**

Kepada Creative Wood Industries Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 1142, Mk. 14, Kg. Simpang Ampat, Simpang Ampat, Pulau Pinang, tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik—GM 76. No. Lot—1142. Hasil Tahun Ini—Cukai (Tanah) RM19,006.00 (Tali Air) RM101.5. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—Cukai (Tanah) RM19,006.00, (Tali Air) RM101.5. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil—Bayaran Notis RM50.00. Bayaran-bayaran Terhutang—Denda Lewat (Tanah) RM5893.00, (Tali Air) RM33.00. Jumlah Kena Dibayar—RM44,191.00.

Bertarikh 26 September 2006  
[PTSPT/F/6A/13/2006]

HAJI MUZAMIN BIN MASTAK  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Tengah*  
*Bukit Mertajam*

**No. 344.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang (STRATA).

## JADUAL

Mukim—12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. Lot—10028. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Geran 61607/M1/8/85. Luas—75 meter persegi.

Bertarikh 9 Oktober 2006  
[PTG/PB/DBD/202]

AZLAN BIN ABDUL AZIZ  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang*

**No. 345.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi hakmilik sementara 18 Mukim G, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Mukim G. PT—18. Hakmilik Sementara—18.

Bertarikh 9 Oktober 2006  
[PTBD/P/46 Jld. 5(24)]

ABDUL HAMID BIN JAMALUDIN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Daerah Barat Daya  
Pulau Pinang*

**No. 346.**

Dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi dalam seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa dicadangkan untuk mengganti dokumen hakmilik keluaran kepada tanah yang diterangkan dalam Jadual di bawah atas sebab-sebab berikut:

Menggantikan hakmilik keluaran yang hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—07. No. Lot—2712. Keterangan dan No. Hakmilik—GM 1320. Luas—5642.8265 meter persegi.

Bertarikh 17 Oktober 2006  
[PTSPU(D) 29/2006]

ANUAR BIN ISA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Utara*  
*Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA